

Luas dan besarkan

19 FEB 1994

KUALA LUMPUR 8 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru semua pihak termasuk kakitangan kerajaan supaya sentiasa memperluas dan memperbesarkan paradigma (pemikiran baru) bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Kata beliau, negara boleh maju daripada apa yang diramalkan sekarang sekiranya sesuatu paradigma itu diperluaskan dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir memberitahu, pegawai-pegawai kanan perkhidmatan awam seharusnya sentiasa berusaha untuk memperkayakan minda dan pemikiran serta tidak hanya terjebak dalam budaya berpulas hati.

“Sebenarnya tidak ada had terhadap apa yang kita boleh lakukan, asalkan kita menembusi halangan mental dan membentuk paradigma baru. Kita

mempunyai kebolehan untuk melakukan lebih baik daripada apa yang telah dilakukan,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap di *Seminar Menangani Cabaran 2020: Ke Arah Pembentukan Paradigma Baru Perkhidmatan Awam* di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Seminar dua hari yang bermula semalam dihadiri oleh semua pegawai kanan perkhidmatan awam.

Dr. Mahathir berkata, kejayaan tidak dapat dicapai tanpa menembusi psikologi bahawa rakyat negara ini tidak boleh melakukan sesuatu yang terbaik.

“Kita perlu meletakkan matlamat yang jauh untuk usaha yang lebih kuat.

“Untuk mencapai kejayaan, perlu ada macam-macam perubahan... baru dalam mencapai matlamat,” katanya.

Perdana Menteri mem-

beritahu, pada hari ini, tumpuan berkisar pada perluasan paradigma untuk mencapai kejayaan yang berterusan.

“Sekiranya seseorang mengharapkan pencapaian pada tahap tertentu sahaja... kalau kita percaya bahawa hanya setakat itu sahaja, kita meletakkan batasan yang menghalang pencapaian kita lebih daripada itu,” katanya.

Mengendalikan

Beliau menarik perhatian, sekiranya para ibu bapa mengandaikan anak mereka hanya boleh mempelajari satu bahasa, dia hanya belajar satu bahasa sahaja tetapi sebaliknya sekiranya yakin bahawa dia boleh bertutur dalam dua bahasa, ibu bapa berkenaan akan menyediakan keperluan sehingga mencapai kebolehan itu.

Kata beliau, Allahyarham Datuk Onn Jaafar dan Almarhum Tunku

Abdul Rahman berjaya mengikis paradigma lama yang ditetapkan oleh pihak penjajah bahawa rakyat negara ini tidak boleh mentadbir.

Sebaliknya, beliau memberitahu, Malaysia berjaya mencapai pertumbuhan yang sungguh membanggakan dalam sejarah selepas kemerdekaan.

“Dahulu sebelum merdeka, kita dikatakan tidak mampu untuk menadbir negara ini malah negara akan kucar kacir. Tetap kita dapat memecahkan paradigma tersebut.

“Oleh itu, untuk menjadi negara membangun kita mesti melepasi batasan-batasan kita sendiri... sebenarnya anda boleh melakukan lebih baik berbanding apa yang dilakukan sekarang,” katanya.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, untuk mencapai kejayaan berterusan, rakyat juga seharusnya berani untuk mengkaji

dan menganalisis kesilapan-kesilapan lalu dan menggunakannya sebagai landasan untuk memperoleh matlamat baru.

“Kita mesti sanggup mengkaji tanpa perasaan bias, kita mesti berani mengkaji dengan apa jua cara, kesanggupan untuk melakukan, menganalisis atau mengkaji akan membantu mengatasi segala bentuk kelemahan... ini boleh dilakukan,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, kakitangan perkhidmatan awam telah berkhidmat dengan bersungguhsungguh untuk membangunkan negara ini.

Beliau juga mengadakan dialog tertutup dengan peserta-peserta seminar tersebut selama kira-kira sejam.

Dr. Mahathir berkata, seminar tersebut meluluskan 12 resolusi menyetujui pelbagai aspek perkhidmatan awam.

paradigma